

# Pengganas: Kita dilantik anggotai jawatan kuasa Komanwel

UM 23 OCT 2001

KUALA LUMPUR 22 Okt. — Malaysia dan sembilan negara lagi dilantik menganggotai Jawatankuasa Memerangi Keganasan Antarabangsa Komanwel yang akan mengadakan mesyuarat pertamanya 19 November ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, mesyuarat peringkat menteri dari 10 negara itu akan diadakan di London.

Sembilan lagi negara yang menganggotai jawatankuasa itu ialah United Kingdom, Afrika Selatan, Australia, Bahamas, Tonga, Sri Lanka, India, Tanzania dan Kanada.

“Jawatankuasa itu untuk mengkaji soal keganasan. Saya akan mewakili Malaysia untuk membincangkan soal keganasan dan bagaimana mengatasinya,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Malaysia sebelum ini menggesa supaya diadakan dialog antarabangsa mengenai keganasan untuk mengenal pasti punca dan bagaimana mengatasinya selepas kejadian serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York, 11 September lalu.

Beliau yang kembali ke tanah air semalam selepas menghadiri mesyuarat pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berakhir di Shanghai berkata, banyak negara bersetuju supaya dialog antarabangsa mengenai isu pengganas diadakan untuk membincangkan kesan dan sebab ia berlaku; cuma masalahnya ialah soal masa.

Katanya, Malaysia mengulangi pendiriannya bahawa tindakan mengebom Afghanistan tidak dapat menyelesaikan masalah pengganas antarabangsa yang mungkin berada di mana-mana termasuk di Eropah.

Sebaliknya, tegas beliau, yang menjadi mangsa ialah orang awam tetapi pendirian Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush ialah untuk menghancurkan pusat keganasan dan tempat latihan kumpulan terbabit namun beliau memahami pandangan Malaysia berhubung isu itu.

## Menyelesaikan

“Yang penting, dalam soal membanteras ini bukan sebuah negara atau kumpulan menentukan, kita nak lihat peranan PBB. Ini dipersetujui oleh China, Rusia dan banyak negara bersetuju bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sepatutnya memainkan peranan menyelesaikan masalah di Afghanistan dan keganasan,” jelasnya.

Delegasi Malaysia ke APEC diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Persidangan itu turut dihadiri oleh Bush.

Semalam, Dr. Mahathir meminta PBB memainkan peranan utama dalam memerangi pengganas antarabangsa.

Katanya, ini kerana jika peranan itu dimainkan oleh sesebuah negara yang paling berpengaruh sekalipun, akan terdapat juga pihak yang tidak menyetujuinya.

“Kita berasa lebih selesa jika PBB menjadi pihak yang membuat gesaan untuk bertindak memerangi pengganas dan percaya lebih ramai akan bersedia untuk mengambil bahagian,” katanya.

Mengenai dakwaan rakyat Malaysia ditawan oleh Tentera Perikatan Utara kerana terlibat dengan kumpulan Taliban, Syed Hamid berkata, beliau tidak mempunyai maklumat mengenainya.

Katanya, rakyat negara ini diminta tidak menggunakan saluran media asing sebagai rujukan jika tidak mempunyai maklumat yang pasti sebaliknya merujuk kepada laporan wartawan dan media tempatan yang berada di sana.

“Kalau tidak ada news tu, tak usah besarkan, kalau tidak, jadi macam antraks, orang nak hantuk kita, kita jadi macam membantu mereka dan akhirnya tidak ada kebenaran.

“Saya minta kerjasama kita tengok kesahihan. Saya tidak boleh mengesahkan bila saya tidak ada maklumat atau bila orang minta, kita tak ada maklumat begitu,” tambahnya.